



---

28 Mac 2008

## **NOTIS PEMBERITAHUAN AELB**

**Bil. 1/2008**

### **PANDUAN TUGAS DAN TANGGUNJAWAB PEMBAWA BAHAN RADIOAKTIF [LEM/TEK/51]**

#### **TUJUAN**

1. Notis Pemberitahuan ini bertujuan untuk memaklumkan kepada pemegang lesen yang menjalankan aktiviti pengangkutan bahan radioaktif berkenaan pengeluaran dokumen panduan bertajuk Tugas dan Tanggungjawab Pembawa Bahan Radioaktif di Malaysia.

#### **LATARBELAKANG**

2. Di Malaysia, segala aktiviti yang melibatkan pengangkutan bahan radioaktif, bahan nuklear, benda ditetapkan atau radas penyinaran adalah tertakluk kepada Akta Pelesenan Tenaga Atom, 1984 [Akta 304] dan juga perundangan subsidiari di bawahnya. Seksyen 12(1), Akta 304 memeruntukkan bahawa tidak ada mana-mana orang yang dibenarkan berurusan<sup>1</sup> dengan bahan radioaktif, bahan nuklear, benda ditetapkan atau radas penyinaran melainkan mempunyai lesen yang sah dikeluarkan di bawah seksyen 16(5), Akta 304 oleh Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB) bagi setiap aktiviti tersebut.

3. Bagi aktiviti yang melibatkan pengangkutan bahan radioaktif, terdapat 3 entiti utama yang terlibat di dalam proses mengangkut iaitu konsainor, konsaini dan pembawa. Pada masa

---

<sup>1</sup> “**urusan**”, berhubung dengan mana-mana bahan radioaktif, bahan nuklear, benda ditetapkan atau radas penyinaran, ertinya apa-apa aktiviti yang melibatkan bahan radioaktif, bahan nuklear, benda ditetapkan atau radas penyinaran yang sedemikian itu yang dikilang, diperdagang, dikeluarkan, diproses, dibeli, dipunyai, diguna, diangkut, dipindah, dikendali, dijual, distor, diimport atau dieksport.

ini, syarikat atau individu yang menjalankan aktiviti pengangkutan (*domestic land*) adalah dilesenkan di bawah Lesen Kelas D (Pengangkutan). Pemegang lesen ini perlu mematuhi peraturan yang dinyatakan di dalam Peraturan-peraturan Perlindungan Sinaran (Pengangkutan) 1989 berhubung segala aktiviti di dalam pengangkutan.

4. Oleh kerana keselamatan semasa pengangkutan menjadi tanggungjawab pemegang lesen, maka satu panduan khas berhubung tugas dan tanggungjawab pembawa bahan radioaktif telah disediakan oleh AELB bagi memudahkan pemegang lesen menjalankan tugas dalam memastikan orang awam, pekerja dan alam sekitar tidak terdedah kepada sinaran yang tidak sepatutnya iaitu LEM/TEK/51 “Tugas dan Tanggungjawab Pembawa Bahan Radioaktif”. Panduan ini boleh dimuat turun dari laman sawang AELB di <http://www.aelb.gov.my/aelb/malay/dokumen/panduan/Lemtek51.pdf>.

#### **ARAHAN AELB**

4. Mulai tarikh notis ini, pemegang lesen yang ingin menjalankan aktiviti pengangkutan bahan radioaktif boleh mengambil kira panduan yang disediakan oleh AELB bagi membantu pemegang lesen di dalam pematuhan kepada Akta 304 dan perundangan subsidiarinya.

#### **PENUTUP**

5. Jika terdapat sebarang pertanyaan berhubung dengan notis pemberitahuan ini, sila berhubung melalui alamat di bawah:

Pengarah  
Bahagian Dasar, Kod & Standard  
Lembaga Perlesenan Tenaga Atom  
Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi  
Batu 24, Jalan Dengkil  
43800 Dengkil, Selangor Darul Ehsan  
No. Telefon: 03-89267699  
No. Faks : 03-89284134  
Emel: [pbs@aelb.gov.my](mailto:pbs@aelb.gov.my)  
Laman web: <http://www.aelb.gov.my>